

TARIKH	19/mb/ 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NEWS

# Pendedahan awal jemaah haji

*Peserta ikuti kursus persediaan sebelum ke Tanah Suci*

KUAH - Hampir 500 peserta haji dan umrah dikumpulkan bagi mengikuti Kursus Haji Bersiri anjuran Angkatan Belia Islam (Abim) dengan kerjasama Tabung Haji dan Masjid Al Hana baru-baru ini.

Yang Dipertua Abin Langkawi, Ahmad Rahimie Agir berkata, kursus amali ini adalah untuk memberi pendedahan awal dan merasai suasana sebenar kepada bakal tetamu ALLAH semasa berada dan mengerjakan haji di Tanah Suci Makkah.

Menurutnya, latihan amali ini akan membantu dan memudahkan peserta untuk memahami cara-cara menunaikan umrah dan haji dengan betul apabila berada di sana nanti.

"Kesemua peserta dikumpulkan dan bermalam di Masjid Al Hana, di mana peserta membuat pendaftaran seawal jam 3 petang manakala selepas solat Asar, kita mengadakan taklimat

untuk umrah dan pemakaian kain ihram.

"Apa yang dipraktikkan ini adalah rutin yang wajib dilakukan ketika berada di sana dan selepas itu, kesemua peserta bertolak ke Masjid Aisyah,

Sungai Menghulu untuk tujuan miqat dan mengerjakan solat Maghrib di sana," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ahmad Rahimie berkata, kesemua peserta kembali ke Masjid Al Hana untuk solat dan akhirnya peserta bertolak ke kawasan Pekan Rabu, Kuah untuk tujuan tawaf dan saie.

Katanya, program qiamullail juga turut diadakan kepada peserta-peserta kursus bersiri terbabit.

"Saya teruja dengan sambutan peserta umrah dan haji pada tahun ini yang cukup memberangsangkan dan pihak pengurusan menyediakan sebanyak 12 bas untuk pengangkutan peserta ke Masjid Aisyah, Sungai Menghulu bagi menjayakan kursus bagi bakal haji dan umrah pada tahun ini.

"Kursus yang diadakan setiap ta-

hun di Masjid Al Hana ini telah dijalankan selama 20 minggu pada setiap Jumaat dan kursus kali ini sudah memasuki minggu ke-11," katanya.



Peserta turut didedahkan pemakaian ihram ketika berada di Masjid Al Hana.